

# Terokai bidang berteras teknologi baru — PM

UM-16/8/2004: 2 Perdana.

Oleh YUSRI SAHAT dan SUFFIAN ABU BAKAR

**K**ANGAR 15 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak umat Islam di negara ini meneroka bidang-bidang yang berteras kepada teknologi baru bagi mengikis imej bangsa 'penonton dan pengguna'.

Beliau menegaskan, langkah itu adalah perlu bagi mengembalikan semula maruah agama dan membetulkan pandangan serong masyarakat dunia terhadap Islam.

Umat Islam, menurut beliau, tidak boleh terus menjadi umat yang hanya menonton dan menggunakan teknologi yang dicipta oleh masyarakat bukan Islam.

"Sebahagian besar umat Islam lebih banyak menjadi penonton daripada pelakon, lebih beminat menjadi pengkritik daripada pelaksana, lebih senang menjadi pengguna daripada pengeluar dan lebih suka berbalah daripada bersatu membina kekuatan dan kemajuan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-47 di Dataran Datuk Sheikh Ahmad di sini malam ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin serta menteri-menteri Kabinet dan menteri-menteri besar yang lain.

Tiga peserta memperdengarkan bacaannya pada malam ini iaitu Mohd. Najib Hashim dari Perlis, Ahmad Tarmizi Ali dari Terengganu dan Jaliah Sinin dari Selangor.

Mereka ialah antara 29 qari dan qariah yang memperdengarkan bacaan mereka pada majlis tilawah yang berlangsung sehingga 19 Ogos ini. Kesemua negeri menghantar qari dan qariah kecuali Kelantan yang hanya diwakili oleh qari.

Semasa perasmian Abdullah berkata, umat Islam yang benar-benar memahami dan mengamalkan



ABDULLAH AHMAD BADAWI diiringi Shahidan Kassim bersalaman dengan sebahagian peserta yang mengambil bahagian pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-47 di Kangar, Perlis, malam tadi.

ajaran Islam akan dapat membuktikan agama yang dianuti mereka adalah agung, indah dan sempurna.

Sehubungan itu, katanya, untuk menjadi bangsa contoh di dunia ini, umat Islam terutama di Malaysia perlu berusaha bersungguh-sungguh sehingga mampu menguasai dan memahirkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu.

"Umat Islam di Malaysia perlu menjadi individu bermaklumat dan mampu melakari sejarah kemanusiaan dengan pelbagai hasil ciptaan dan sumbangan yang lebih bermakna, berkualiti dan berinovasi.

"Umat Islam perlu mempertajamkan pemikiran dan daya keintelektualan sehingga mampu mengatasi dan mendahului kebolehan umat lain selain menguasai semua kemahiran dan teknologi yang kini dimonopoli oleh bukan Islam," katanya.

Selama ini, jelas Perda-

na Menteri, Islam dikaitkan dengan kemiskinan, kejahilan, kemunduran dan ketidakstabilan politik.

Malah lebih menyedihkan, tegas Abdullah, Islam diberi imej sebagai pengganas dan pencetus huru-hara oleh dunia Barat yang sekali gus menjadikannya ajaran agama itu sebagai penuh kesulitan, kegagalan dan kekerasan.

"Penilaian ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan umat Islam kerana ia jelas tidak adil, tidak objektif dan prejudis," katanya.

Dalam pada itu, Abdullah yakin program mempelajari Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (J-Qaf) yang akan dilaksanakan tahun depan dapat menghidupkan budaya al-Quran di kalangan generasi muda di negara ini.

Menurut beliau, dalam usaha kerajaan mempelopori gagasan Islam Hadhari yang progresif,

toleran dan seimbang, J-Qaf akan menjadi asas kepada penghayatan budaya al-Quran yang berteraskan kepada penerokaan ilmu.

Abdullah juga gembira terhadap perkembangan kewangan Islam di dunia termasuk kewujudan sebuah bank Islam Britain yang akan memulakan operasi tidak lama lagi.

Malaysia juga akan mengorak langkah mengembangkan sistem kewangan Islam di luar negara dengan cadangan mewujudkan cawangan Maybank dan Bumiputra Commerce Bank, katanya.

Dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata tilawah, Abdullah menyatakan kekesalannya apabila masih terdapat umat Islam di negara ini yang mendakwa tidak wujud keserasian antara Islam dan kemajuan.

Beliau menegaskan, salah faham tersebut perlu diatasi segera jika mahu menjadikan Malaysia se-

bagai sebuah negara maju dan mempelopori tamadun Islam.

"Islam adalah agama yang terbukti pada zaman keagungannya yang berjaya mewujudkan perdamai, kesejahteraan, kesenangan dan ketenteraman," katanya.

Sementara itu bacaan peserta akan dihakimi oleh 15 orang panel hakim yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Kira-kira 8,000 hadirin memenuhi Dataran Datuk Sheikh Ahmad bagi menyaksikan majlis perasmian tersebut yang dimulakan dengan dua qari dan seorang qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Tilawah kali ini turut menganjurkan majlis tilawah peringkat kebangsaan untuk saudara baru dan ia melibatkan 17 orang dan majlis diadakan pada siang.